

TEKS UCAPAN PERASMIAN



**YBHG. DATO' DR. MOHD ALI BIN MOHAMAD NOR
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
MALAYSIA**

**HARI ICT
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 2018
BERSAMA JABATAN/AGENSI**

“DIGITAL LIFESTYLE”

**28 NOVEMBER 2018 (RABU)
DEWAN SERBAGUNA, ARAS B1, KKMM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalaamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.**

**YBrs. Tuan Tan Chuan Ou
Timbalan Ketua Setiausaha Operasi
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia,**

**YBhg. Dato' Samsuni Mohd Nor
Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan,
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia,
merangkap CIO KKMM,**

Ketua-ketua Pengarah dan CEO Jabatan/Agensi,

**Ketua-ketua Pegawai Maklumat (CIO) Jabatan/Agensi,
Setiausaha – setiausaha Bahagian, Pegawai – pegawai
Kanan Kementerian,**

**Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati
sekalian.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinNya dapat kita bersama-sama berhimpun di dalam Dewan ini sempena Majlis Pelancaran Hari ICT KKMM 2018.
2. Program Hari ICT KKMM 2018 ini bertemakan "**Digital Lifestyle**" yang merupakan julung kali dianjurkan secara bersama dengan Jabatan dan Agensi. Program ini merupakan salah satu program yang telah dirancang di bawah Teras ke-3 (Modal Insan Yang Kompeten dan Profesional) Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) KKMM.
3. Saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang menunjukkan sokongan dan komitmen yang tinggi terhadap program ini.

4. Melalui program Hari ICT ini, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat berkongsi ilmu pengetahuan bagi meningkatkan kompetensi modal insan yang mampu menghadapi cabaran ***era digital***.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Objektif program ini adalah untuk :

- a) Menyemarakkan pembudayaan digital secara holistik bagi mendaya upaya modal insan kreatif dan inovatif; dan
- b) Memupuk semangat kerjasama dan mewujudkan jalinan komunikasi yang erat dan mesra di kalangan warga KKMM dan Jabatan/Agensi;

6. Program Hari ICT ini merupakan satu platform yang strategik untuk berkongsi pengalaman dan cabaran, meneroka teknologi terkini dan akan datang serta membentuk kerjasama dan sinergi antara jabatan/agensi ke arah melonjakkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui ICT yang melangkaui ekspektasi pengguna dan stakeholders;
7. Perkembangan pesat era digital masa kini menjadikan peranan CIO dan Pengurus ICT lebih mencabar. Justeru itu, CIO dan Pengurus ICT perlu lebih peka dengan perkembangan semasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Semoga program Hari ICT ini dapat membantu KKMM dan Jabatan/Agensi dalam menghasilkan idea dan inisiatif baru bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan serta memenuhi kehendak pelanggan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. “**Digital Lifestyle**” (**Gaya Hidup Digital**) menjadi tema pilihan pada program Hari ICT KKMM 2018 ini kerana selaras dengan gaya hidup menuju abad ke-21 yang memanfaatkan teknologi dalam kehidupan seharian seterusnya mampu mendepani cabaran **Revolusi Industri 4.0**.

9. Dalam menyokong pelaksanaan Kerajaan Digital, KKMM dan Jabatan/Agensi telah dan sedang membangunkan beberapa sistem aplikasi bagi memudahkan urusan perkhidmatan kepada pelanggan antaranya seperti e-Puspal, e-Pembekal, RTM Mobile, myRaja, Bernama Mobile dan MCMC MyComms. Lantaran itu, pembangunan aplikasi mobile perlu dipergiatkan di peringkat Kementerian dan Jabatan/Agensi bagi menyediakan kepelbagaian saluran penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Di dalam keghairahan kita menggunakan apa jua aplikasi dalam talian, saya mengingatkan agar maklumat kerajaan yang diurus menggunakan medium siber perlu dikendalikan mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan. Ini bagi mengelakkan sebarang ketirisan maklumat yang mana boleh dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu untuk memburukkan kerajaan. Ketirisan maklumat ini juga sering disalahgunakan bagi penyebaran berita palsu dan tidak benar di kalangan rakyat. Dengan itu, sikap berhemah dan bertanggungjawab ketika menggunakan medium siber haruslah dipraktikkan dan dibudayakan oleh semua penjawat awam termasuklah di KKMM dan Jabatan/Agensi. Pengguna ICT juga perlulah berhati-hati dan bertanggungjawab ketika memuat naik sebarang kenyataan kerana kita tertakluk kepada undang-undang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, Akta Fitnah 1957 dan Akta Hasutan 1948.

PENGLIBATAN DAN KEJAYAAN PROGRAM ICT OLEH WARGA KKMM DAN JABATAN/AGENSI

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga KKMM dan Jabatan/Agensi yang telah menyertai program ICT anjuran Agensi Pusat seperti:
 - i. Pertandingan Hackathon Data Terbuka 2018 yang telah diadakan pada 22 hingga 24 September 2018; dan
 - ii. Pertandingan Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2018 yang telah diadakan pada 9 hingga 10 Oktober 2018

Bagi menyemarakkan penggunaan data terbuka dan aplikasi mudah alih, KKMM merancang untuk mengadakan program pertandingan Hackaton Data Terbuka dan Aplikasi Mudah Alih peringkat Kementerian dan Jabatan/Agensi pada tahun hadapan.

12. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada KKMM, RTM dan BERNAMA di atas kejayaan mendapat **Pensijilan Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2013**, masing-masing telah berjaya melepassi pengauditan oleh SIRIM dan telah dianugerahkan pensijilan tersebut untuk tempoh 3 tahun. Saya menggalakkan Jabatan/Agensi di bawah KKMM agar melaksanakan Pensijilan ISMS dalam pengurusan maklumat supaya keselamatan maklumat lebih terjamin.

PENUTUP

13. Saya berharap semoga Hari ICT KKMM 2018 ini menjadi platform dalam pencetusan idea-idea baru yang kreatif dan inovatif serta memberikan pendedahan trend teknologi terkini kepada semua peserta.

 14. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program Hari ICT KKMM 2018, terutamanya kepada Bahagian Pengurusan Maklumat selaku urusetia dan juga kepada semua Bahagian KKMM serta Jabatan/Agensi yang terlibat iaitu RTM, JAPEN, JPDP, IPPTAR, FINAS, BERNAMA, SKMM, MDEC, myNIC dan Cyber Security Malaysia yang terlibat bagi menjayakan Program Hari ICT KKMM 2018.

15. Akhir sekali, dengan lafaz **Bismillahirahmanirrahim** dengan ini saya melancarkan Hari ICT KKMM 2018 bersama Jabatan/Agensi.

**Wabillahittaufik walhidayah, Wassalam'alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**

DATO' DR. MOHD ALI BIN MOHAMAD NOR

28 NOVEMBER 2018